

TERMA DAN SYARAT

Penganjur	Dutch Lady Milk Industries Berhad (196301000165/5063-V)
Nama Promosi	Friso Gold Buy and Win Eksklusif di Manjaku
Tempoh Promosi	Promosi ini bermula pada 00:00:00 pada 15 November 2025 dan ditutup pada 23:59:59 pada 31 Disember 2025.
Kelayakan	Promosi ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas dengan nombor pengenalan yang sah (MyKad atau MyPR) pada 15 November 2025. Kumpulan orang berikut tidak layak untuk menyertai Promosi ini: - Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikatnya dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka). - Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.
Kaedah Penyertaan	Melalui WhatsApp - Beli minimum satu (1) produk Friso Gold Langkah 3 atau Langkah 4 ("Produk") di dalam satu resit pembelian (Bukti Pembelian) dalam tempoh Promosi dari mana-mana cawangan kedai Manjaku (dalam kedai atau di kedai dalam talian rasmi) ("Kedai yang Mengambil Bahagian"). - Senarai Produk yang mengambil bahagian; Friso Gold Friso Gold Langkah 3 600g / 900g /1.2kg Friso Gold Langkah 4 600g / 900g/ 1.2kg - Imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi yang terdapat di kedai yang mengambil bahagian atau hantar maklumat yang diperlukan melalui aplikasi WhatsApp yang bernombor 012-227 7781: - Gambar jelas resit (Bukti Pembelian) - Nama Penuh - Nombor MyKad/MyPR (Contoh ; Gambar resit (Bukti Pembelian), Daniel Bin Ashraf , 8XXXXX-4X-6XXX) ("Penyertaan"). - Setiap Penyertaan yang lengkap dengan gambar resit yang diperlukan, memenuhi syarat pembelian dan maklumat peribadi yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur semasa Tempoh Promosi akan diberikan nombor siri ("Penyertaan Layak") secara automatik. Pembelian minimum satu (1) Produk Friso Gold yang menyertai dalam satu resit memberikan peserta satu (1) nombor siri bagi setiap penyertaan sahaja. - Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan, namun setiap resit pembelian unik (Bukti Pembelian) hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan dengan resit pembelian duplikasi. - Simpan resit asal atau Bukti Pembelian untuk tujuan pengesahan.

	7. Penganjur tidak menerima apa-apa perubahan Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit bertulisan tangan, Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian. 8. Penyertaan yang tidak jelas, sukar dibaca, dan tidak lengkap akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan dengan resit yang dicetak semula (Bukti Pembelian) dan/atau resit yang diduplikasi (Bukti Pembelian). Resit (Bukti Pembelian) hanya boleh ditebus sekali dan tidak boleh digunakan semula. 9. Walau apa pun di atas, setelah menerima Penyertaan dan / atau setelah dipilih pemenang, mengikut mana-mana yang berkenaan, Penganjur berhak untuk meminta bukti lebih lanjut dalam pemprosesan Penyertaan termasuk Bukti Pembelian asal (salinan cetak) dan dokumen pengenalan diri untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan mana-mana dokumen di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan hilang kelayakan dan pelucutan hak keatas hadiah.
Tarikh Penyerahan Penyertaan	Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 31 Disember 2025.
Hadiah Promosi	Hadiah Utama 1 x Bar Emas HABIB 999.9 (5g) Hadiah Pertama 5 x Pakej Penginapan Hotel Sunway Lagoon + Tiket Taman Tema Sunway Lagoon (2H1M untuk 2 orang) Hadiah Saguhati 80 x PIN Tambah Nilai e-Dompet Touch 'n Go bernilai RM50 setiap satu
Butiran Penghakiman	Pengesahan Penyertaan 1. Resit Asal yang menunjukkan Produk dan Nilai, Nombor Resit, Tarikh Pembelian yang Sah dan Nama Kedai (Hanya Bukti Pembelian dari kedai Manjaku yang mengambil bahagian akan disahkan) 2. Butiran Peribadi yang diperlukan. 3. Tiada duplikasi Bukti Pembelian 4. Tiada perubahan pada resit dalam sebarang bentuk; nama kedai, barang yang dibeli, harga dan masa transaksi 5. Resit bertulisan tangan, Pesanan Pembelian dan Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai bukti pembelian. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja dalam sepanjang tempoh Promosi : • 1 x Hadiah Utama , atau • 1 x Hadiah Pertama , atau • 1 x Hadiah Saguhati Semua pemenang yang disenarai pendek akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp dari nombor Promosi 012-227 7781 ke nombor yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan untuk menjawab satu Soalan Promosi yang mudah dengan betul dalam jangka masa yang ditetapkan untuk layak memenangi hadiah tersebut.

	Pemenang yang disenarai pendek mesti membalas dan memberikan jawapan yang betul dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk layak memenangi Hadiah. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pelucutan peluang memenangi hadiah tersebut dan pemenang lain akan dipilih . Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab. Soalan Promosi : "Teknologi LocNutri™ Friso® Gold mengekalkan nutrien susu dalam struktur asalnya. (Betul/Salah)" <u>Kaedah Pemilihan Pemenang yang Disenarai Pendek</u> Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang yang disenarai pendek, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Promosi ("Penyertaan Layak") . Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". <u>Hadiah Utama</u> 1 x Bar Emas HABIB 999.9 (5g) Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Promosi, contohnya ; jika terdapat 3,800 penyertaan layak/nombor bersiri yang diterima sepanjang Tempoh Promosi , angka ini akan dibahagikan dengan 2. Ilustrasi perhitungan adalah seperti berikut: $3,800 \div 2 = \underline{1,900^*}$ Pemenang Hadiah Utama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri 1900*. Seramai <u>1 PEMENANG</u> akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi. Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. <u>Hadiah Pertama</u> 5 x Pakej Penginapan Hotel Sunway Lagoon + Tiket Taman Tema Sunway Lagoon (2H1M untuk 2 orang) Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Promosi dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama , angka seterusnya akan dibahagikan dengan 5. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Promosi adalah 3,800 penyertaan layak/nombor bersiri Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut : Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Utama = 41* Penyertaan $3,800 - 41^* = 3,759 \div 5 = \underline{751^*}$
--	--

	Pemenang Hadiah Pertama yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri 751* , 1502* , 2253* , 3004* dan 3755*. Seramai 5 PEMENANG akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi. Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. <u>Hadiah Saguhati</u> 80 x PIN Tambah Nilai e-Dompet Touch 'n Go bernilai RM50 setiap satu Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Promosi dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Pertama, angka seterusnya akan dibahagikan dengan 80. Dengan mengandaikan Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Promosi adalah 3,800 penyertaan layak/nombor bersiri Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut : Dengan andaian penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Pertama = 86* Penyertaan $3,800 - 86* = 3,714 \div 80 = \underline{46.4*}$ Pemenang Hadiah Saguhati yang disenarai pendek ialah kemasukan nombor bersiri 46*, 92*, 138*, 184*, 230*, 276*, 322*, 368*, 414*, 460*, 506* dan seterusnya. Seramai 80 PEMENANG akan dipilih sepanjang Tempoh Promosi. Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan ke nombor digit tunggal kebawah yang terdekat akan dipilih sebagai pemenang. <u>Pengumuman Pemenang</u> Pemenang akan diberitahu melalui WhatsApp sebagai sebahagian daripada penyerahan hadiah. Senarai para pemenang juga akan diumumkan di laman sosial Penganjur di https://www.facebook.com/FrisoGoldMY sebelum 20 Januari 2026.
Tarikh Tuntutan Hadiah /Penghantaran	1. Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta yang ingkar dalam mengutip Hadiah mengikut Tarikh Tuntutan/Penghantaran Hadiah dalam apa jua hal. 2. Hadiah tidak boleh dipindah milik, boleh diserahkan hak, boleh ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur. 3. Untuk Hadiah Utama – Bar Emas HABIB 999.9 (5g), pemenang dikehendaki mengnebus hadiah di pejabat agensi yang dilantik. Pemenang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengambilan hadiah dan Penganjur tidak berkewajipan untuk memberikan lanjutan tempoh penebusan hadiah. Sekiranya pemenang tidak dapat mengambil hadiah secara peribadi, sebarang kos tambahan untuk penghantaran oleh agensi yang dilantik—termasuk pengangkutan, penginapan atau apa-apa perbelanjaan berkaitan ; hendaklah

	ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. Sebagai alternatif, pemenang boleh memberi kuasa kepada pihak ketiga untuk mewakili mereka dengan mengemukakan surat kebenaran dan surat kuasa bertulis kepada Penganjur. Surat pennebusan hadiah akan dikeluarkan oleh agensi yang dilantik kepada pemenang untuk pennebusan hadiah tersebut. 4. Untuk Hadiah Pertama – Pakej Penginapan Hotel Sunway Lagoon + Tiket Taman Tema Sunway Lagoon (2H1M untuk 2 orang), surat pennebusan akan dikeluarkan oleh agensi yang dilantik kepada pemenang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas tamat Tempoh Promosi. Surat ini akan dihantar ke alamat yang diberikan oleh pemenang. Pakej Penginapan merangkumi: • Penginapan satu (1) malam di Bilik Deluxe Hotel Sunway Lagoon berserta sarapan • Dua (2) tiket ke Taman Tema Sunway Lagoon untuk dewasa • Tarikh Tidak Sah (Blockout Date): Cuti sekolah, malam sebelum cuti umum dan cuti umum (Penginapan tertakluk kepada ketersediaan) • Sah laku baucar: 3 bulan dari tarikh dikeluarkan • Tertakluk kepada terma di: https://sunwaylagoon.com/park-rules/ dan https://sunwaylagoonhotel.com-kualalumpur.com/en/ 5. Semua hadiah PIN Tambah Nilai Touch'N Go e-Dompet akan diproses untuk dihantar kepada pemenang melalui aplikasi WhatsApp . Penggunaan Pin Tambah Nilai Touch'N Go e-Dompet adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Touch'N Go Malaysia; https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf 6. Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran dalam tempoh enam (6) ke lapan (8) minggu dari tamat Tempoh Promosi ke alamat penghantaran yang diterima daripada pemenang. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah Fasal ini atas alasan yang berada di luar kawalan Penganjur. 7. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. 8. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga [3] bulan dari tarikh surat atau pengumuman atau notis tuntutan hadiah yang mana lebih awal. 9. Hadiah akan digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur tidak termasuk semua waranti dan liabiliti yang berkaitan dengan Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. 10. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, tugas dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri. 11. Sekiranya hadiah yang diterima terdapat kecacatan atau kerosakan yang disebabkan oleh buatan kilang , pemenang mesti mengembalikan hadiah kepada Penganjur dengan kos sendiri dan hadiah tersebut mesti berada dalam bungkusan asalnya untuk penggantian dalam masa 2 minggu dari
--	---

	tarikh penerimaan hadiah. Kegagalan mematuhi terma dan syarat ini akan mengakibatkan hadiah tidak akan diganti. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah yang ditunjukkan dengan hadiah lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Tidak ada alternatif tunai atau bayaran balik yang akan ditawarkan. 12. Penganjur berhak untuk menentukan bagaimana Hadiah yang tidak dituntut akan diuruskan.
Terma Tambahan	1. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya, tanpa notis terlebih dahulu, dan tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk untuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Promosi ini akan menjadi penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat. 2. Penganjur, dan/atau wakil tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian tidak langsung atau berbangkit, atau untuk kecederaan peribadi yang dialami atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan oleh Peserta dalam Promosi, serta penebusan dan/atau penggunaan mana-mana Hadiah yang dimenangi. 3. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan muktamad pada semua Peserta, dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan. 4. Dengan menyertai Promosi ini, peserta bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi mereka dan Penganjur berhak untuk menerbitkan, menggunakan nama dan/atau gambar peserta dan pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis lanjut dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan untuk penggunaan penyertaan mereka oleh Penganjur. 5. Dengan menghantar penyertaan ke Promosi ini, Peserta dianggap telah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat. 6. Untuk penerangan yang lebih terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Dasar Privasi kami di https://www.frisogold.com.my/privacy-policy. 7. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda, untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, atau menghubungi kami dengan sebarang pertanyaan berkenaan dengan data peribadi anda seperti berikut: Nombor Telefon Friso Gold Careline: 1800-81-3854 Alamat E-mel: frisogoldcareline@frieslandcampina.com